

SEJARAH PENULISAN DAN PEMBUKUAN HADITH: SATU SOROTAN

Oleh:

Mohd. Muhiden B. Abd. Rahman *

Abstract

Al-Hadith as the second source of Islamic Law has its own history particularly related to its writing and recording. This paper attempts to elaborate that hadiths were not created or invented in the later period of Islam. There were three stages or periods of writing and recording of hadiths: the Prophet, the companions and the period of the followers. During the periods of the Prophet and his companions, not all hadiths were written and recorded systematically for memorization was much preferred. The writing and recording of hadiths was in its magnificent period during the days of the followers particularly in the fourth century of Hijrah which witnessed the emergence of books and hadith experts.

PENDAHULUAN

Latar belakang sesuatu sejarah amat perlu dikaji sebelum kajian lanjut mengenai sesuatu perkara dilakukan. Sejarah penulisan dan pembukuan hadith yang mempunyai tahap-tahapnya yang tersendiri tidak terkecuali daripadanya. Ia perlu dibincangkan kerana ia akan memberi gambaran yang jelas mengenai kelahiran dan pertumbuhan hadith itu sendiri, seterusnya meyakinkan umat Islam tentang keaslian dan kebenarannya. Apatah lagi penulisan dan pembukuan itu sendiri merupakan wasilah terpenting bagi memelihara sesuatu maklumat dan menjelaskan bagaimana ia dipindahkan dari satu generasi kepada generasi seterusnya. Penulisan juga memainkan peranan penting bagi memelihara hadith dari hilang ditelan zaman.

Makalah ini akan cuba menelusuri tahap-tahap pertumbuhan dan perkembangan penulisan hadith. Bagi menerangkan tahap-tahap ini, penulis akan mengemukakan sejarah penulisan dan pembukuan hadith dengan melihat perkembangan sejarah

* Mohd. Muhiden B. Abd. Rahman, Ph.D, adalah pensyarah di Jabatan al-Qur'an Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

mengikuti zaman secara umum, bermula dengan zaman Rasulullah s.a.w. yang kemudiannya disusuli zaman sahabat, zaman *tabi'in* dan zaman Imam-Iman hadith sehinggalah sampai ke abad ini. Beberapa buah karya hadith akan disebut sebagai contoh penghasilan karya hadith pada sesuatu zaman.

PENULISAN HADITH PADA ZAMAN RASULULLAH S.A.W.

Sebelum huraian lanjut mengenai penulisan dan pembukuan hadith pada zaman Rasulullah s.a.w. diteruskan, wajar dibahaskan terlebih dahulu beberapa buah hadith yang menjadi konroversi dan juga menjadi asas kepada penulisan dan pembukuan hadith pada zaman baginda s.a.w. Hadith-hadith tersebut yang pada zahirnya kelihatan bercanggah antara maksud melarang dan makna mengizinkan aktiviti penulisan hadith, telah menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam sendiri. Kekeliruan ini telah diambil kesempatan oleh pihak musuh Islam untuk menafikan berlakunya aktiviti penulisan Hadith pada zaman Rasulullah s.a.w.

Telah menjadi suatu tanggapan yang popular bahawa hadith atau sesuatu yang dinamakan sebagai 'ilmu' hanyalah diriwayatkan melalui hafalan sahaja lebih daripada seratus tahun, tanpa adanya sebarang bentuk penulisan. Tanggapan ini berterusan untuk tempoh lima abad lamanya sehinggalah datang seorang ulama terkenal, al-Khaṭīb al-Baghdādī (m. 463H).¹ Al-Khaṭīb telah membuat beberapa kajian lanjut tentang permasalahan ini sehinggalah beliau berjaya menghasilkan sebuah kitab yang terkenal, kitab *Taqyid al-'Ilm*.

Usaha yang dilakukan oleh al-Khaṭīb ini sedikit sebanyak telah mengubah persepsi negatif sebahagian besar umat Islam terhadap pertumbuhan dan perkembangan penulisan hadith. Tanggapan negatif ini adalah berpunca daripada kesilapan mereka ketika mentakwil dan mentafsir kenyataan ulama hadith mengenai penulisan dan pembukuan hadith. Ulama hadith² menyatakan bahawa ulama pertama yang

¹ Beliau ialah Abū Bakr Aḥmad ibn 'Alī ibn Thābit al-Khaṭīb al-Baghdādī al-Shafi'i. Al-Khaṭīb merupakan seorang ulama terkenal dan mempunyai beberapa buah kitab yang masyhur seperti *Tārikh Baghdād* dan lain-lain lagi. Lihat al-Dhahabī, *Tadhkirah al-Huffāz*. J. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 1135; Ibn Khallikān (t.t), *Wafayāt al-A'yān*. J. 1. Beirut: Dār Ṣādir, h. 92; Al-Subkī (1964), *Ṭabaqāt al-Shāfi'iyyah*. J. 4, Kaherah: Matba'ah 'Isā al-Bābī al-Halabī wa Sharikahu, h. 29; Isma'īl Bashā al-Baghdādī (1982), *Hadiyyah al-'Arifīn Asmā' al-Mu'allifīn wa 'Athar al-Muṣannifīn Min Kashf al-Zunūn*. J. 5. Beirut: Dār al-Fikr, h. 79.

² Antaranya ialah Imam Malik yang menyatakan, orang pertama membukukan ilmu ialah Ibn Shihāb al-Zuhri. Lihat Ibn 'Abd al-Barr (t.t), *Jāmi' Bayān al-'Ilm wa Fadliḥ*. J. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 76.

membukukan ilmu atau hadith ialah Ibn Shihāb al-Zuhri (m. 124H).³ Menurut mereka lagi, ulama pertama yang menyusun kitab ialah ulama yang datang selepas al-Zuhri iaitu sekitar tahun 143H.⁴ Malah mengikut Hāji Khalifah (m. 1067H) dalam kitabnya *Kashf al-Zunūn*, para ulama telah berselisih pendapat mengenai orang yang pertama sekali membukukan ilmu dalam Islam. Ada yang mengatakan Ibn Jurayj al-Basri (m. 155H) dan ada yang mengatakan Sa'id ibn 'Arubah (m. 156H) dan ada yang mengatakan Rubay' ibn Subayh (m. 160H). Ini diikuti oleh Sufyan ibn 'Uyaynah (m. 198H) dan Malik ibn Anas (m. 179H) di Madinah dan lain-lain lagi.⁵

Amat jarang sekali ulama yang menjelaskan secara terperinci maksud kenyataan tersebut sehingga menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam sendiri. Tanggapan ini bukan sahaja mempengaruhi umat Islam secara keseluruhannya, tetapi juga sebahagian kecil ulama Islam seperti Abū Tālib al-Makki (m. 386H), Imam al-Dhahabi (m. 748H), al-Hāfiz ibn Hajar (m. 852H),⁶ Hāji Khalifah⁷ dan lain-lain lagi. Sedangkan pada masa yang sama mereka juga turut meriwayatkan bahawa para sahabat dan juga *tabi'in* pernah meriwayatkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. daripada beberapa *suḥuf* yang ditulis pada zaman sahabat dan *tabi'in*. Ini menunjukkan bahawa kegiatan penulisan dan pembukuan secara tidak rasmi telah

³ Beliau ialah Abū Bakr Muḥammad ibn Muslim ibn Ubayd Allāh ibn 'Abd Allāh ibn Shihāb al-Zuhri al-Madani, seorang *sighār tabi'in* yang terkenal. Lihat Ibn Hajar al-'Asqalani (1326H), *Tahdhīb al-Tahdhīb*. J. 9. Beirut: Dār Sādir & Hayderabad: Matba'ah Majlis Dā'irah al-Ma'arif, h. 445; Isma'il Bashā al-Baghdādi, *Hadiyyah al-'Arifin*. J. 6, h. 7.

⁴ Muḥammad Matar al-Zahrani (1996), *Tadwīn al-Sunnah al-Nabawiyah*. Riyadh: Dār al-Hijrah, h. 65.

⁵ Hāji Khalifah (1982), *Muqaddimah Kashf al-Zunūn 'an Asāmi al-Kutub wa al-Funūn*. J. 1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 34.

⁶ Al-Hāfiz Ibn Hajar menyatakan, hadith-hadith Rasulullah s.a.w. tidak dibukukan pada zaman sahabat dan *kibār tabi'in* kerana dua sebab: pertama kerana larangan Rasulullah s.a.w. dan kedua, kerana kebanyakan mereka tidak tahu menulis. Lihat Ibn Hajar al-'Asqalani (t.t), *Fath al-Bārī bi Syarḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*. J. 1, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 208. Lihat Juga *Hadyu al-Sāri Muqaddimah Fath al-Bārī*, h. 6; Abū Tālib al-Makki (t.t), *Qūt al-Qulūb*. J. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 159. M. Husayn al-Dhahabi (t.t), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*. J. 1, Beirut: Shārikah Dār al-'Arqam, h. 134-135.

⁷ Hāji Khālifah menyatakan, disebabkan keikhlasan para sahabat dan *tabi'in* serta keberkatan *suḥbah* (persahabatan) mereka dan hampirnya zaman mereka dengan zaman Rasulullah s.a.w, maka mereka tidak memerlukan kepada penulisan dan pembukuan ilmu pada zaman mereka. Beliau menyatakan bahawa kegiatan penulisan dan pembukuan hanya bermula sekitar pertengahan abad kedua Hijrah iaitu selepas zaman Ibn Shihāb al-Zuhri. Lihat *Muqaddimah Kashf al-Zunūn*. J. 1, h. 33-34 & 637.

pun ada sebelum zaman Imām al-Zuhri lagi yang dianggap sebagai *sighār al-tabī'in* atau junior *tabī'in*.⁸

Justeru al-Khatib dalam kitabnya, *Taqyid al-'Ilm* cuba membuktikan bahawa penulisan ilmu atau hadith ini telah pun bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w., zaman sahabat dan zaman *tabī'in*, iaitu sebelum munculnya Imām al-Zuhri. Beliau telah mengumpul beberapa hadith yang mengharuskan penulisan ilmu atau penulisan hadith dan hadith yang melarang kegiatan tersebut.

Walaupun terdapat hadith yang melarang aktiviti penulisan hadith berjaya dikumpulnya, namun kesemua hadith tersebut bukan merupakan hadith-hadith yang sahih kecuali satu hadith sahaja,⁹ iaitu yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Abū Sa'id al-Khudri r.a., di mana Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا تَكْتُبُوا عَنِّي ، وَمَنْ كَتَبَ عَنِّي غَيْرَ الْقُرْآنِ فَلَيْمَحُهُ

Maksudnya:

“Jangan kamu menulis mengenai (hadith-hadithku), dan sesiapa menulis mengenai, maka hendaklah dia memadamkannya”¹⁰

Walaupun hadith ini dianggap sahih oleh ulama hadith, namun sebahagian mereka berpendapat bahawa hadith tersebut adalah hadith *mawqūf*. Dengan kata lain, ia merupakan kata-kata Abū Sa'id bukannya kata-kata Rasulullah s.a.w.. Antara ulama hadith yang berpendapat demikian ialah al-Imām al-Bukhārī sendiri. Namun pendapat ini ditolak kerana ternyata ia merupakan satu riwayat yang sahih daripada Rasulullah s.a.w., sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imām Muslim.

Sementara hadith-hadith yang mengharuskan kegiatan penulisan terlalu banyak, antaranya:

1. Hadith 'Abd Allāh ibn 'Amru ibn al-'Aās r.a. daripada Rasulullah s.a.w., sabdanya:

اَكْتُبْ فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ مَا يَخْرُجُ مِنْهُ إِلَّا حَقٌّ

⁸ Al-Zahrānī, *Tadwīn*; h. 66. Lihat juga al-Kattānī (1993), *al-Risālah al-Mustatrafah*, Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyah, h. 6-9. M. Mustafa al-A'zamī (1992), *Dirāsāt fī al-Hadīth al-Nabawī*. J. 1, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 71. M. Abu Zahw (1984), *al-Hadīth wa al-Muḥaddithūn*. Riyād: Dār al-Iftā', h. 127.

⁹ Untuk meneliti perbincangan lanjut mengenai hadith-hadith ini, sila lihat al-A'zamī, *ibid.*, h. 76-78.

¹⁰ Lihat Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*. J. 4, Beirut: Dār Ibn Ḥazm & Maktabah al-Ma'ārif, h. 1817-1818; Ahmad (t.t), *Musnad Ahmad*. J. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 21.

Maksudnya:

“Tulislah, Demi yang nyawaku di tanganNya (yakni Demi Allah), tidaklah keluar daripadanya (sambil menunjukkan kepada mulutnya) kecuali yang haq”¹¹

2. Hadith Abū Hurayrah r.a. katanya:

مَا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَدٌ أَكْثَرَ حَدِيثًا عَنْهُ مِنِّي إِلَّا مَا كَانَ مِنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو ، فَإِنَّهُ كَانَ يَكْتُبُ وَلَا أَكْتُبُ

Maksudnya:

“Tidak ada seorang pun daripada sahabat Nabi s.a.w. yang lebih banyak hadithnya daripadaku melainkan ‘Abd Allāh ibn ‘Amru, kerana beliau menulis (di samping menghafal), tetapi aku tidak menulis”¹²

3. Hadith Abū Hurayrah r.a. daripada Rasulullah s.‘a.w. sabdanya:

اَكْتُبُوا لِأَبِي شَاهٍ

Maksudnya:

“Tulislah kamu untuk Abū Shāh”¹³

4. Hadith riwayat al-Imām Aḥmad daripada Ibn ‘Abbās r.a., Rasulullah s.‘a.w. bersabda:

اَتُّونِي بِكِتَابٍ أَكْتُبُ لَكُمْ كِتَابًا لَا تَضِلُّوا بَعْدَهُ

Maksudnya:

“Bawakan kepadaku kitab (peralatan menulis), [dan] tulislah untuk kamu sebuah kitab (hadith) yang mana kamu tidak akan sesat selepasnya”¹⁴

Hadith-hadith di atas pada zahirnya adalah kelihatan bercanggah antara satu sama lain, iaitu antara mengharuskan penulisan hadith dan sebaliknya. Memandangkan semua hadith tersebut adalah sahih, ia telah menyebabkan timbulnya beberapa kekeliruan

¹¹ Lihat *Sunan Abi Dawūd*. J. 3, Beirut: Dār al-Fikr, h. 318. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Aḥmad dan al-Dārimī. Lihat *Musnad Aḥmad*, J. 2, h. 163. Al-Dārimī (1994), *Sunan al-Dārimī*. J. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 92.

¹² Lihat al-Bukhārī (t.t), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. J. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, h. 45.

¹³ *Ibid*.

¹⁴ *Ibid*.

mengenai hukum menulis dan membukukan hadis pada zaman Rasulullah s. 'a.w. Keadaan menjadi semakin keliru apabila hadis yang kelihatan membawa maksud melarang kegiatan penulisan hadis ini, disalahertikan oleh musuh Islam, terutamanya golongan orientalis. Mereka mendakwa wujudnya hadis tersebut membuktikan secara nyata bahawa hadis sememangnya tidak pernah ditulis pada zaman Rasulullah s. 'a.w. kerana terdapatnya larangan Rasulullah s. 'a.w. berbuat demikian. Sebaliknya mereka mendakwa, hadis mula dicatat dan ditulis pada zaman Imām al-Zuhri atau zaman Khalifah 'Umar ibn 'Abd al-'Aziz.¹⁵ Keterangan ini sekaligus membuktikan bahawa hadis bukan merupakan sumber syariat Islam. Kalau sekiranya hadis itu adalah sumber syariat, maka sudah pasti Rasulullah s.a.w tidak akan melarang para sahabat dari menulisnya.

Bagi menghapuskan kekeliruan ini dan menolak tafsiran-tafsiran menyeleweng terhadap maksud sebenar hadis yang pada zahirnya melarang umat Islam menulis dan membukukan hadis, beberapa ulama cuba berusaha menyatu dan menyesuaikan hadis-hadis tersebut agar kesemuanya boleh diterima pakai. Berikut dibentangkan hujah-hujah yang dikemukakan mereka:¹⁶

1. Larangan yang dimaksudkan dalam hadis Abi Sa'id al-Khudri adalah ditujukan khas kepada penulisan hadis yang bercampur aduk dengan al-Qur'an. Ini bermakna, sekiranya penulisan hadis tidak dicampuradukkan dengan al-Qur'an, maka kejadian tersebut adalah jelas tidak dilarang oleh Rasulullah s. 'a.w..
2. Larangan yang terdapat dalam hadis Abu Sa'id hanyalah ditujukan kepada kalangan yang kuat hafalannya. Adapun mereka yang lemah hafalannya, mereka dibenarkan menulis hadis. Ini bertujuan untuk menggalakkan mereka yang kuat hafalannya supaya terus bergantung kepada hafalan mereka tanpa perlu bergantung kepada apa-apa tulisan dan begitulah sebaliknya.
3. Larangan ini hanya ditujukan kepada kalangan yang tidak pandai menulis, sebaliknya bagi yang berkebolehan menulis, misalnya 'Abd Allah ibn 'Amru al-'Aas, mereka tidak dilarang berbuat demikian.

¹⁵ Al-Zahrani, *op.cit.*, h. 72.

¹⁶ Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, J. 1, h. 208; Al-Khatib al-Baghdadi, *Taqyid al-'Ilm*, Dār Ihyā' al-Sunnah al-Nabawiyah, h. 57; Al-Sakhawi (1983), *Fath al-Mughith Sharh 'Alfiyah al-Hadith*. J. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiah, h. 162; Al-Suyuti (t.t), *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi*. J. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 67; M. Mustafa al-A'zami, *op.cit.*, h. 79; 'Ajjaj al-Khatib (1997), *Uşul al-Ḥadīth- Ulūmuhu wa Muştalahu*. Jeddah: Dār al-Manārāt, h. 158-160; Nūr al-Dīn, 'Aṭr (1988), *Manhaj al-Naqd fi 'Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Fikr, h. 41-42.

4. Larangan ini hanyalah pada peringkat awal Islam sahaja, iaitu ketika mana al-Qur'an masih diturunkan oleh Allah SWT. Ini kerana pada peringkat awal para sahabat belum lagi dapat membezakan di antara al-Qur'an dan al-hadith. Tetapi setelah al-Qur'an semakin banyak diturunkan dan para sahabat sudah boleh membezakan di antara keduanya, larangan tersebut seolah-olahnya dimansuhkan.
5. Ada juga ulama seperti Imām al-Bukhārī yang mengatakan bahawa hadith Abū Sa'īd adalah *mawqūf*, iaitu ia hanyalah kata-kata Abū Sa'īd sahaja, bukannya hadith Rasulullah s.a.w. Namun pendapat ini adalah dai'f berdasarkan riwayat Imam Muslim yang menyatakan bahawa ia bukannya kata-kata Abū Sa'īd, sebaliknya memang merupakan hadith Rasulullah s.a.w.

Mengikut al-Hafiz Ibn Hajar, pendapat yang paling tepat dan menjadi pegangan kebanyakan ulama ialah pendapat yang keempat, iaitu pandangan yang menyatakan bahawa larangan tersebut adalah hanya pada peringkat awal sahaja. Setelah keadaan berubah, larangan tersebut dimansuhkan berdasarkan satu riwayat lain daripada Abu Hurairah r.a., katanya (bermaksud):

"Setelah Allah SWT membuka Kota Mekah melalui Rasulullah s.a.w., baginda pun bangun dan berkhotbah lalu bangun seorang lelaki Yaman yang dikenali sebagai Abu Shah sambil berkata; "Tulislah untukku wahai Rasulullah!". Maka sabda Rasulullah s.a.w: Tulislah untuk Abī Shāh".¹⁷

Peristiwa tersebut berlaku semasa pembukaan Kota Mekah pada tahun 8 Hijrah iaitu 3 tahun sebelum kewafatan Rasulullah s.a.w. Ini menunjukkan bahawa larangan menulis hadith, sebagaimana yang terdapat dalam hadith Abī Sa'īd seolah-olah dimansuhkan kemudiannya. Begitu juga dengan hadith 'Abd Allāh ibn 'Amru ibn al-'Aās yang secara jelas menyatakan bahawa beliau diberi kebenaran menulis hadith selepas datangnya hadith yang melarang untuk berbuat demikian. Kebenaran ini adalah berdasarkan kepada hadith Abu Hurairah yang menyentuh persoalan ini, di mana Abu Hurairah r.a. memeluk Islam pada tahun ke 7 Hijrah. Ini menunjukkan 'Abd Allāh hanya menulis hadith selepas Islamnya Abu Hurairah r.a. dan ketika 'Abd Allāh wafat, *ṣahīfah* beliau yang terkenal dengan nama "*Ṣahīfah Ṣadiqah*" ada di sisinya. Keterangan ini menunjukkan, larangan menulis hadith hanyalah pada peringkat awal sahaja, kalau tidak sudah pasti dipadamnya tulisan yang terdapat dalam *ṣahīfahnya* terlebih dahulu.¹⁸

¹⁷ Lihat al-Bukhārī, *Ṣahīḥ al-Bukhārī*. J. 1, h. 44-45.

¹⁸ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1979), *Tahdhīb al-Sunan*. J. 10, cetakan bersama 'Awn al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abī Dawūd, Beirut: Dār al-Fikr, h. 76-77.

Sementara itu Abū Sa'īd r.a yang meriwayatkan hadits yang melarang orang-orang mukmin dari menulis hadits-hadits Rasulullah s.a.w. juga meriwayatkan satu hadits lain yang boleh dikatakan mengandung makna yang bercanggah sedikit dengan haditsnya yang pertama. Hadits yang dimaksudkan ialah:

مَا كُنَّا نَكْتُبُ شَيْئًا غَيْرَ الْقُرْآنِ وَالتَّشَهُدِ

Maksudnya:

*"Tidaklah kami menulis sesuatu melainkan al-Qur'an dan Tashahhud"*¹⁹

Menerusi hadits ini beliau secara jelas menyatakan, selain daripada al-Qur'an, beliau juga ada menulis hadits, iaitu *tashahhud* dan tidak ada bezanya antara menulis *tashahhud* dan menulis hadits-hadits yang lain. Apa yang penting yang dapat disimpulkan di sini adalah adanya hadits yang dicatat, selain daripada ayat al-Qur'an pada zaman Rasulullah s.a.w. Ini menunjukkan bahawa larangan yang terdapat dalam hadits beliau yang pertama adalah berupa larangan secara khusus dan bukannya secara mutlak, sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini.²⁰

Selain daripada keterangan hadits-hadits yang menyokong penulisan hadits, terdapat juga bukti bertulis yang menunjukkan bahawa sememangnya ada hadits yang ditulis semasa hayat Rasulullah s.a.w. sama ada ianya ditulis dengan izin khas daripada Rasulullah s.a.w. atau pun setelah wujudnya suasana yang mengizinkan penulisan hadits, sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Kebanyakan *ṣuḥuf* yang mengandungi hadits-hadits Rasulullah s.a.w. dihasilkan pada akhir hayat baginda s.a.w.²¹ Antaranya ialah *Ṣaḥīfah 'Abd Allāh ibn 'Amru ibn al-'Aās* r.a yang lebih dikenali dengan nama *al-Ṣaḥīfah al-Ṣādiqah*. *Ṣaḥīfah* ini dikatakan mengandungi lebih kurang seribu hadits yang dicatat sendiri oleh 'Abd Allāh ibn 'Amru al-'Aās r.a. Keterangan ini dinyatakan oleh Mujahid ibn Jabr (m. 103H), seorang *ṭabi'in* dengan katanya yang bermaksud:

"Aku masuk menemui 'Abd Allāh ibn 'Amru, aku terlihat ṣaḥīfah di bawah kepalanya. Lantas beliau menghalangku daripada terus melihatnya. Lalu aku bertanya: "Adakah kamu menghalangku melihat kitabmu? Jawab beliau: "Ia merupakan Ṣaḥīfah Ṣādiqah yang aku dengar daripada Rasulullah s.a.w. yang tidak didengari orang lain (perawi) melainkan aku

¹⁹ Lihat *Sunan Abī Dawūd*. J. 3, h. 319.

²⁰ Al-Zahrānī, *op.cit*, h. 70.

²¹ Ṣubḥī Ṣāliḥ (1996), *Uḥum al-Ḥadīth wa Muṣṭalahuh*, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 23.

*dan Rasulullah s.a.w. Apabila Kitab Allah, Ṣahīfah ini dan kebunku selamat, maka ketika itu aku tidak peduli lagi tentang duniaku*²²

Ṣahīfah ini telah diriwayatkan oleh cucunya yang bernama 'Amru ibn Shu'ayb. Sekalipun *ṣahīfah* ini tidak sampai ke tangan umat Islam kini, sebagaimana yang ditulis oleh 'Abd Allāh Ibn 'Amru, namun sebahagian isi kandungan *ṣahīfah* tersebut telah diriwayatkan oleh Imām Aḥmad dalam *Musnadnya*.²³ Justeru *ṣahīfah* ini dianggap mempunyai kepentingan sejarahnya yang tersendiri kerana ia merupakan satu dokumen sejarah yang menjadi bukti bertulis menunjukkan penulisan hadith telah pun bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi dan ianya ditulis di hadapan dan dengan izin khusus dari baginda s.a.w.²⁴

Begitu juga dengan *Ṣahīfah* 'Ali ibn Abi Talib yang mengandungi beberapa hukum syara' khususnya mengenai *diyah*, hukum membunuh orang Islam yang membunuh orang kafir, kesucian Kota Madinah dan lain-lain lagi. Selain dari itu, terdapat lagi beberapa *ṣuhuf* yang ditulis oleh beberapa orang sahabat seperti *Ṣahīfah* Abi Bakr al-Siddiq, *Ṣahīfah* Sa'd ibn 'Ubādah, *Ṣahīfah* Jābir ibn 'Abd Allāh, *Ṣahīfah* Samūrah ibn Jundub, *Ṣahīfah* Abi Mūsā al-'Ash'ari dan *Ṣahīfah* 'Abd Allāh ibn Abi 'Awfa. Walaupun *ṣahīfah-ṣahīfah* ini tidak mempunyai bukti yang jelas bahawa ia ditulis pada zaman Rasulullah s.a.w., namun ia sedikit sebanyak dapat menyokong dan menguatkan kenyataan bahawa penulisan hadith telah pun bermula pada zaman Rasulullah s.a.w.²⁵

Surat-surat Rasulullah s. 'a.w yang ditulis oleh penulis-penulis baginda s. 'a.w. kepada beberapa orang raja yang menyeru mereka kepada Islam juga menjadi bukti wujudnya aktiviti penulisan hadith Rasulullah s. 'a.w. Surat-surat ini telah dikumpul oleh Imam Muhammad ibn Hadīdah al-'Anṣārī (m. 783H) dalam kitabnya *al-Miṣbāḥ al-Mudī' fi Kuttāb al-Nabī al-Ummī wa Rusulihī Ila Mulūk al-'Arḍ Min 'Arabīyy wa 'Ajamiyy*.²⁶ Namun hadith-hadith yang dicatat dan ditulis pada zaman Rasulullah s. 'a.w. tidaklah menyeluruh, sebaliknya melibatkan sebahagian kecil sahaja. Ini bukan bermakna banyak hadith yang ditinggalkan oleh para sahabat, sebaliknya kesemua hadith Rasulullah s. 'a.w. tetap terpelihara melalui penghafalan para sahabat di samping apa yang dicatat dan ditulis oleh sebilangan mereka.

²² Al-Dhdhahabī (1982), *Siyar A'lām al-Nubalā'*. J. 3, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 89.

²³ Ada yang mengatakan terdapat sehingga 202 hadith yang diriwayatkan oleh Imām Aḥmad.

²⁴ Muhammad 'Ajjāj al-Khaṭīb, *op.cit.*, h. 202-204.

²⁵ Ṣubḥī Ṣalih, *op.cit.*, h. 23-26. Al-Zahrānī, *op.cit.*, h. 78-80. Muṣṭafa al-Sibā'ī, *op.cit.*, h. 60. Nur al-Dīn 'Atr, *op.cit.*, h. 45-48.

²⁶ Khaldūn al-Ahdab (t.t), *Mudhakkirat 'Ulūm al-Hadīth*, Mekah al-Mukarramah: t.p, h. 13.

Beberapa faktor telah dikenalpasti menjadi penghalang aktiviti penulisan hadith-hadith Rasulullah s. 'a.w sepenuhnya atau dengan kata lain hadith tidak dibukukan secara rasmi pada zaman baginda s. 'a.w. Kekurangan penulis dan alat tulis merupakan salah satu faktor yang dimaksudkan. Namun begitu, faktor ini bukanlah faktor utama kerana Rasulullah s. 'a.w. sendiri mempunyai hampir empat puluh orang penulis. Begitu juga kejayaan para sahabat baginda s. 'a.w. mencatat al-Qur'an sepenuhnya walaupun dalam bentuk berselerak membuktikan bahawa kurangnya alat tulis tidaklah menjadi faktor utama yang menghalang atau membantut aktiviti penulisan hadith. Di samping itu, kesibukan para penulis Rasulullah s.a.w. yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada penulisan al-Qur'an juga menjadi faktor penghalang aktiviti ini.

Selain daripada itu kebimbangan para sahabat dan sikap berhati-hati mereka terhadap larangan Rasulullah s. 'a.w. menulis hadith juga menjadi faktor kenapa hadith tidak ditulis dengan begitu aktif, sebagaimana al-Qur'an walaupun mereka menyedari larangan tersebut bukanlah berbentuk larangan secara mutlak. Ini terbukti dengan adanya beberapa *ṣuhuf* yang ditulis oleh beberapa orang sahabat baginda s. 'a.w.²⁷

Fakta-fakta yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan bahawa aktiviti penulisan dan pembukuan hadith telah pun bermula secara tidak rasmi sejak zaman Rasulullah s. 'a.w. Bahkan kegiatan penulisan dan pembukuan pada zaman Rasulullah s. 'a.w. merupakan asas dan menjadi pencetus kepada lahirnya aktiviti penulisan dan pembukuan hadith pada zaman selepasnya, khususnya zaman *tabi'īn*. Ini sekaligus menolak pendapat yang mengatakan bahawa hadith tidak pernah dibukukan pada zaman Rasulullah s. 'a.w. mahupun pada zaman sahabat dan zaman *kibār al-ṭabi'īn*. Huraian yang dibentangkan sebelum ini juga menafikan wujudnya percanggahan antara hadith yang melarang kegiatan menulis hadith dan hadith yang mengizinkan berbuat demikian.

PENULISAN DAN PEMBUKUAN HADITH PADA ZAMAN SAHABAT

Sebelum perbincangan lanjut mengenai penulisan dan pembukuan hadith pada zaman sahabat, wajar dibincang terlebih dahulu sikap para sahabat terhadap kegiatan penulisan hadith itu sendiri. Ini kerana sikap para sahabat merupakan asas dan penentu kepada perkembangan penulisan hadith pada zaman mereka.

Sebagaimana yang dinyatakan terdahulu, walaupun terdapat hadith yang membenarkan dan melarang aktiviti penulisan hadith, namun tidak semua sahabat yang

²⁷ Subhī Ṣāliḥ, *op.cit.*, h. 17-22.

suka atau menggalakkan aktiviti penulisan hadith. Senario ini membayangkan terdapat pro dan kontra di kalangan sahabat dalam melihat isu ini. Satu kumpulan membenarkan dan menggalakkan penulisan hadith, manakala satu kumpulan lagi bersikap sebaliknya. Antara sahabat yang melarang dan tidak menggalakkan penulisan hadith ialah Abū Bakr al-Ṣiddīq, ‘Umar ibn al-Khattāb, Ibn Mas‘ūd, Abū Sa‘id al-Khudrī, Zayd ibn Thābit r.a. dan lain-lain lagi. Sementara sahabat yang menggalakkan aktiviti penulisan hadith, antaranya ialah Anas ibn Malik, Jābir ibn ‘Abd Allāh, ibn ‘Abbās, ibn ‘Umar, ‘Abd Allāh ibn ‘Amru, ‘Āishah r.a. dan lain-lain lagi.²⁸

Wujudnya perbezaan pendapat di kalangan para sahabat inilah yang menyebabkan aktiviti penulisan dan pembukuan hadith pada zaman mereka gagal mencapai kemajuan yang membanggakan. Dengan kata lain, penulisan dan pembukuan hadith pada zaman sahabat tidak mengalami apa-apa perubahan dan mencapai apa-apa perkembangan selain dari melanjutkan apa yang dilakukan pada zaman Rasulullah s.‘a.w. Ini bermakna apa yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. itulah juga yang berlaku pada zaman sahabat. Hadith hanya dicatat dan tulis oleh sebahagian sahabat sebagai usaha dan inisiatif individu semata-mata.

Antara sahabat yang menghasilkan *ṣahīfah* pada zaman sahabat ialah Abū Hurayrah r.a. melalui seorang tabi‘īn terkenal, iaitu Hammām ibn Munabbih (m. 131H). *Ṣahīfah* ini lebih dikenali dengan nama *Ṣahīfah Hammām* atau *al-Ṣahīfah al-Ṣahīhah* kerana ia ditulis oleh Hammām berdasarkan kepada hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah r.a. *Ṣahīfah* ini yang dikatakan mengandungi 134 hadith terbukti ditulis sekitar pertengahan kurun yang pertama Hijrah. Ini kerana Abū Hurayrah r.a. wafat pada tahun 59H dan sudah pasti ianya ditulis sebelum kewafatan beliau. *Ṣahīfah* ini telah ditemui secara lengkap oleh seorang pengkaji, Dr. Hamidullah iaitu dalam bentuknya yang asal yang diriwayatkan dan ditulis oleh Hammām. Kesemua hadith tersebut diriwayatkan oleh Imām Aḥmad dalam *Musnadnya*, sementara Imām al-Bukhārī meriwayatkan sebahagiannya di dalam kitab *Ṣahīhnya*.²⁹

Ṣahīfah ini, sebagaimana juga *Ṣahīfah ‘Abd Allāh ibn ‘Amru* merupakan satu dokumen sejarah yang amat penting dalam konteks pembukuan Hadith. Ini kerana ia merupakan satu bukti yang jelas menunjukkan bahawa hadith telahpun dibukukan lebih awal sebelum kegiatan pembukuan hadith digerakkan pada zaman Imām al-Zuhri atau zaman Khalifah ‘Umar ibn ‘Abd al-‘Azīz (m. 101H). Ini sekaligus menolak dakwaan

²⁸ Khaldūn al-Ahdab, *op.cit.*, h. 13-14. ‘Ajjāj al-Khaṭīb, *op.cit.*, h. 161-166. Muḥammad Adīb Ṣāliḥ (1399H), *Lamaḥāt fī Uṣūl al-Ḥadīth*, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 56.

²⁹ ‘Ajjāj al-Khaṭīb, *ibid.*, h. 200-202. Ṣubḥī Ṣāliḥ, *op.cit.*, h. 31-32.

yang mengatakan hadith hanya dibukukan pada zaman Imām al-Zuhri (m. 124H) ataupun zaman Khalifah ‘Umar Abd al-‘Aziz.³⁰

Selain daripada Ṣahīfah Hammām, terdapat juga beberapa orang sahabat yang mengambil inisiatif sendiri menulis beberapa hadith. Antaranya ialah ‘Usayd ibn Hudayr al-‘Anṣārī yang menulis beberapa hadith untuk dihantar kepada Khalifah Marwan ibn al-Hakam,³¹ Jābir ibn Samūrah yang menulis beberapa hadith kepada ‘Āmir ibn Sa’d,³² Zayd ibn Arqam yang menulis hadith kepada Anas ibn Mālik,³³ Zayd ibn Thābit yang menulis hadith kepada ‘Umar ibn al-Khattāb³⁴ atas permintaan ‘Umar sendiri dan lain-lain.³⁵

Di samping menulis dan membukukan hadith dalam *ṣuhuf*, para sahabat juga menggalakkan anak-anak dan murid-murid mereka mencatat dan menulis hadith. Antaranya Anas ibn Mālik r.a. yang menggalakkan anaknya supaya menulis hadith. Begitu juga dengan ‘Abd Allāh ibn ‘Abbas r.a., ‘Umar ibn al-Khattāb, ‘Ali ibn Abī Ṭālib yang menggalakkan murid-murid mereka supaya menulis dan merekodkan setiap ilmu yang dipelajari mereka.³⁶ Mereka bersepakat mengatakan.

فَيُذَوُّوا الْعِلْمَ بِالْكِتَابِ

Maksudnya:

“Rekodkan ilmu dengan kitab (penulisan)”.³⁷

Selain daripada usaha individu, perlu juga dijelaskan di sini tentang hasrat Khalifah ‘Umar al-Khattāb untuk membukukan hadith secara rasmi. Walaupun beliau telah mendapat sokongan daripada sahabat untuk meneruskan hasratnya, namun akhirnya beliau sendiri membatalkan hasratnya itu. Ini kerana beliau bimbang para sahabat

³⁰ *Ibid.*

³¹ Lihat Aḥmad, *Musnad Imām Aḥmad*. J. 4, h. 226.

³² Lihat Muslim (1995), *Ṣahīḥ Muslim*. J. 3, Beirut: Dār Ibn Ḥazm, h. 1155-1156 & *Musnad Aḥmad*. J. 5, h.89.

³³ Lihat Aḥmad, *Musnad Aḥmad*. J. 4, h. 370-374.

³⁴ Lihat al-Dāraqutnī (1993), *Sunan al-Dāraqutnī*. J. 4, Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 93-94.

³⁵ Al-Zahrānī, *op.cit.*, h. 76. Perbincangan lanjut mengenai penulisan hadith oleh sebahagian sahabat telah dibuat oleh Muḥammad Muṣṭafa al-A‘ẓamī dalam kitabnya *Dirāsāt fī al-Hadīth al-Nabawī*. J. 1, h. 92-142.

³⁶ ‘Ajjāj al-Khaṭīb, *op.cit.*, h. 171. al-Zahrānī, *op.cit.*, h. 77.

³⁷ Lihat al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Taqyīd al-‘Ilm*, h. 92 & 96; *Tabaqāt Ibn Sa’d*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990, J. 7, h. 16. Ibn ‘Abd al-Barr, *Jamī‘ Bayān al-‘Ilm*. J. 1, h. 72.

akan memberi tumpuan kepada hadith sepenuhnya dengan meninggalkan al-Qur'an, sebagaimana yang berlaku kepada umat sebelumnya.³⁸

Fakta-fakta di atas menjelaskan bahawa kegiatan penulisan dan pembukuan Hadith pada zaman sahabat berterusan, sebagaimana yang dilakukan pada zaman Rasulullah s. 'a.w. Walau bagaimanapun, kegiatan ini cuma digerakkan atas inisiatif beberapa orang sahabat sahaja. Dengan kata lain, kegiatan pembukuan secara rasmi dan sistematik belum lagi wujud pada zaman sahabat, sepertimana juga pada zaman Rasulullah s. 'a.w. Malah tidak banyak perkara baru yang berlaku pada zaman sahabat. Kegiatan yang dilakukan sekadar melanjutkan apa yang telah dilakukan pada zaman Rasulullah s. 'a.w. Walaupun terdapat riwayat yang menyatakan beberapa orang sahabat tidak menyukai, malah melarang aktiviti penulisan hadith, namun ini tidak bermakna mereka berpegang teguh dengan larangan Rasulullah s. 'a.w. agar jangan menulis hadith. Perkara ini terbukti apabila terdapat kalangan sahabat yang walaupun pada peringkat awalnya tidak menyukai kegiatan penulisan hadith, namun akhirnya mereka menyetujui malah menggalakkan kegiatan tersebut. Antara sahabat yang dimaksudkan ialah Abū Bakr al-Ṣiddīq,³⁹ 'Umar al-Khaṭṭāb,⁴⁰ Abū Sa'īd al-Khudrī r.a⁴¹ dan lain-lain lagi.

Kesimpulan yang dapat dibuat di sini ialah larangan dan tegahan sebahagian sahabat Rasulullah s.a.w. daripada menulis hadith adalah berdasarkan kepada situasi dan keadaan yang tertentu sahaja. Apabila keadaan mengizinkan, misalnya wujud keadaan di mana hadith tidak bercampur-aduk dengan al-Qur'an dan adanya jaminan bahawa para sahabat tidak akan mengabaikan al-Qur'an sebagai kitab rujukan utama mereka, maka mereka bukan sahaja mengizinkan menulis hadith, malah turut menggalakkan umat Islam berbuat demikian.

PEMBUKUAN HADITH PADA ZAMAN *TABI'IN* DAN SELEPASNYA

Sebagaimana para sahabat yang mempunyai pandangan dan sikap yang berbeza mengenai penulisan hadith, begitu juga dengan *tabi'in*. Perkara ini berlaku

³⁸ Ibn 'Abd al-Barr, *ibid.*, h. 64. 'Ajjāj al-Khaṭīb, *op.cit.*, h. 161-162. Ṣubḥī Ṣalīḥ, *op.cit.*, h. 39-40.

³⁹ Lihat hadith yang ditulis oleh Abū Bakr al-Ṣiddīq r.a. kepada Anas ibn Mālik, 'Āmilnya di Bahrain dalam al-Bukhāri, *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*. J. 2, h. 447-448.

⁴⁰ Lihat hadith yang ditulis oleh 'Umar al-Khaṭṭāb kepada 'Utbah ibn Farqad dalam Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*. J. 3, h. 1305.

⁴¹ Lihat hadith Abi Sa'īd yang menyatakan beliau hanya menulis al-Qur'an dan *tashahhud* (Hadith) dalam Abū Dawūd, *Sunan Abū Dawūd*. J. 3, h. 319.

terutamanya pada zaman awal *tabi'in* atau pada zaman *kibar tabi'in*. Terdapat banyak riwayat yang menjelaskan wujudnya perbezaan dan percanggahan pendapat di antara pro dan kontra di kalangan *tabi'in* mengenai penulisan hadith. Ini menyebabkan mereka seolah-olah terbahagi kepada dua kelompok, satu kelompok menyukai dan menggalakkan penulisan hadith dan satu kelompok lagi bersikap sebaliknya.

Antara kalangan *tabi'in* yang diriwayatkan tidak menyukai penulisan hadith ialah 'Abidah ibn 'Amru al-Salmānī (m. 72H), Ibrāhīm al-Nakha'ī (m. 96H), 'Āmir al-Sha'bi (m. 103H) dan lain-lain lagi. Sementara kalangan *tabi'in* yang menyukai dan menggalakkan aktiviti penulisan hadith ialah Sa'id ibn al-Musayyib (m. 94H), Mujāhid ibn Jabr (m. 103H), al-Ḥasan al-Baṣrī (m. 110H) dan lain-lain lagi. Faktor yang menyebabkan mereka berbeza pendapat adalah sama dengan faktor yang mendorong para sahabat berbeza pendapat dalam isu ini. Antaranya ialah faktor kebimbangan hadith akan bercampuraduk dengan pandangan dan ijtihad mereka di samping wujudnya kebimbangan di kalangan para *tabi'in* bahawa umat Islam akan bergantung sepenuhnya kepada hadith yang ditulis dengan mengabaikan hafalan hadith. Apatah lagi apabila hadith-hadith yang ditulis tadi akan terjatuh kepada golongan yang bukan ahlinya yang memungkinkan timbulnya kekeliruan di kalangan umat Islam.⁴²

Ini bermakna apabila halangan-halangan tadi terhapus, kesemua mereka bersepakat membenarkan penulisan hadith. Bahkan kebanyakan *tabi'in* bukan sahaja membenarkan menulis hadith malah mereka turut menggalakkan aktiviti penulisan hadith apabila halangan-halangan tersebut dapat dihapuskan. Justeru itu, bukanlah suatu perkara yang menghairankan apabila terdapat riwayat yang menyebut tentang seorang *tabi'in* yang walaupun pada satu ketika menegah umat Islam menulis hadith, namun pada ketika yang lain turut menggalakkan aktiviti penulisan hadith, sepertimana yang berlaku kepada Ibrāhīm al-Nakha'ī, 'Abidah al-Salmānī dan 'Āmir al-Sha'bi.⁴³

Perbezaan pendapat di kalangan *tabi'in* dalam isu ini boleh dikatakan hanya berlaku di kalangan *kibar tabi'in* sahaja sehingga akhir abad pertama Hijrah. Setelah keadaan mengizinkan penulisan hadith, mereka telah bersepakat untuk menulis dan menggalakkan aktiviti penulisan hadith. Kata Imām al-Nawāwī (maksudnya):

⁴² Subhī Ṣāliḥ, *op.cit.*, h. 41-42. Khaldūn al-Ahdab, *op.cit.*, h. 16. 'Ajjāj al-Khatīb, *op.cit.*, h. 173.

⁴³ 'Ajjāj al-Khatīb, *ibid.*, h. 173-174.

*"Ulama salaf telah berselisih pendapat mengenai penulisan hadith; sebahagian melarangnya dan sebahagian yang lain mengharusnya, kemudian mereka bersepakat mengharuskannya"*⁴⁴

Sementara Ibn al-Ṣalāh turut berkata (maksudnya):

*"....Kemudian perselisihan tersebut terhapus dan umat Islam telah ijma' menyatakan harus menulis hadith kerana kalaulah hadith tidak dibukukan dalam [bentuk] kitab, nescaya ia akan pupus akhirnya"*⁴⁵

Perbezaan pendapat di kalangan *awsat* dan *sighār tabi'īn* iaitu sekitar awal abad kedua Hijrah dan selepasnya adalah tidak berlaku. Sebaliknya aktiviti penulisan hadith pada waktu itu sudah menjadi satu kegiatan biasa khususnya di majlis-majlis ilmu yang berkembang pesat ketika itu. Justeru itu, kegiatan penulisan dan pembukuan hadith pada zaman *tabi'īn* dijalankan lebih aktif dan ia terus berkembang pesat jika dibandingkan dengan zaman sebelumnya iaitu zaman sahabat.⁴⁶

Antara *tabi'īn* yang membenarkan penulisan hadith termasuklah Sa'īd ibn al-Musayyib (m. 94H), 'Amir al-Sha'bi (m. 103H), al-Dahhāk ibn Muzāhim (m. 105H), 'Atā' ibn Rabāh (m. 114H), Qatādah ibn Di'āmah al-Sudusī (m. 118H) dan lain-lain lagi.⁴⁷ Sejak itu kegiatan penulisan hadith dijalankan dengan lebih aktif sehingga bilangan *ṣuhuf* yang dihasilkan pada zaman *tabi'īn* mengatasi *ṣuhuf* yang ada pada zaman sahabat. Antaranya ialah *Ṣahīfah* Sa'īd ibn Jubayr, *Ṣahīfah* Bashīr ibn Nuḥayk, *Ṣahīfah* Mujāhid ibn Jabr, *Ṣahīfah* Abī al-Zubayr Muḥammad ibn Muslim, *Ṣahīfah* Ayyūb al-Sukhtiyānī, *Ṣahīfah* Hishām ibn 'Urwah ibn al-Zubayr dan lain-lain lagi. *Ṣuhuf-ṣuhuf* ini menjadi asas rujukan kedua selepas *ṣuhuf* yang ditulis pada zaman sahabat bagi ulama terkemudian yang berusaha menyusun kitab-kitab hadith.⁴⁸

Perkara ini berterusan sehinggalah Khalifah 'Umar ibn 'Abd al-'Aziz mengambil alih tampuk pemerintahan Khilafah Bani Umayyah pada tahun 99H. Bermula dari saat tersebut, kegiatan pembukuan hadith digerakkan secara rasmi iaitu setelah beliau mengeluarkan arahan rasmi kepada gabenor-gabenor di bawah jajahan takluknya serta para ulama di zamannya supaya hadith dikumpul dan dibukukan ke dalam satu kitab. Arahan tersebut merupakan titik peralihan kepada zaman kegemilangan kegiatan pembukuan hadith. Pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar Ibn Abd al-'Aziz kitab-

⁴⁴ Al-Suyutī, *op.cit.* J. 2, h. 65.

⁴⁵ Ibn al-Ṣalāh (1978), *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 88.

⁴⁶ Ṣubhī Ṣāliḥ, *op.cit.* h. 41-43. Al-Zahrānī, *op.cit.* h. 82.

⁴⁷ 'Ajjāj al-Khaṭīb, *op.cit.* h. 176. Ṣubhī Ṣāliḥ, *op.cit.* h. 44.

⁴⁸ Al-Zahrānī, *op.cit.* h. 83-84.

kitab hadith berjaya dihasilkan dan pada zaman inilah juga munculnya ulama hadith terkenal.

Banyak faktor yang mendorong Khalifah 'Umar Abd al-'Aziz mengeluarkan arahan rasmi supaya hadith dikumpul dan dibukukan. Antaranya ialah kebimbangan beliau terhadap hadith-hadith Rasulullah s. 'a.w. yang kemungkinan besar akan hilang begitu sahaja kalau sekiranya tidak dibukukan dengan segera. Ini kerana ramai kalangan *huffāz* hadith yang telah meninggal dunia, sementara yang masih ada bertebaran di merata tempat yang berjauhan antara satu sama lain. Selain daripada itu, faktor tersebarnya perkara-perkara bid'ah dan khurafat secara meluas dalam masyarakat Islam, penyebaran hadith-hadith *mawdu'* akibat bertambahnya penganut agama Islam dan berlakunya perpecahan di kalangan umat Islam menjadi pendorong kepada munculnya kegiatan pembukuan hadith secara rasmi. Selain daripada itu, faktor bertambahnya bilangan perawi dan sanad hadith serta kurangnya penelitian sesetengah kalangan dalam meriwayatkan hadith juga menjadi faktor pendorong yang tidak kurang pentingnya kepada munculnya kegiatan tersebut yang digerakkan secara rasmi.⁴⁹

Antara ulama yang menerima arahan rasmi khalifah dan menyahut arahan tersebut ialah Abū Bakr ibn 'Amru ibn Ḥazm (m. 117H). Beliau merupakan gabenornya di Madinah. Walaupun Abū Bakr ibn Ḥazm berjaya mengumpul sebahagian hadith dalam satu kitab, namun kitab beliau tidak sempat dilihat oleh Khalifah 'Umar 'Abd al-'Aziz kerana beliau wafat pada tahun 101H. Selain daripada beliau, Muḥammad ibn Muslim ibn Shihāb al-Zuhri (m.24H) juga menerima arahan khusus daripada khalifah agar mengumpul dan membukukan hadith. Ibn Shihāb berjaya menunaikan hasrat khalifah dengan mengumpul dan membukukan hadith ke dalam beberapa buah kitab yang kemudiannya dihantar oleh khalifah ke setiap jajahan takluknya. Dengan usaha tersebut, tercatatlah dalam sejarah kegiatan pembukuan hadith nama Ibn Shihāb al-Zuhri sebagai orang pertama yang membukukan hadith. Perkara ini turut diakui sendiri oleh ibn Shihāb dengan katanya (bermaksud): "*Tidak ada seorang pun yang membukukan ilmu sebelumku*".⁵⁰

Usaha Abū Bakr Ibn Ḥazm dan Ibn Shihāb al-Zuhri ini dianggap sebagai pencetus dan pendorong kepada kegiatan penulisan dan pembukuan hadith dalam Islam. Selepas mereka, muncul ramai lagi ulama yang berjaya menghasilkan beberapa *ṣuḥuf* dan juga kitab hadith. Antaranya ialah Ibn Jurayj (m. 150H) di Mekah, Ibn Ishāq (m. 151H) dan Imām Mālik (m. 179H) di Madinah, Sufyan al-

⁴⁹ Muḥammad Abū Zahw, *op.cit.*, h. 127-128. 'Abd al-'Aziz al-Khulī, *op.cit.*, h. 21. Al-Zahrāni, *op.cit.*, h. 83. 'Ajjāj al-Khatīb, *op.cit.*, h. 183.

⁵⁰ Ṣubḥi Ṣāliḥ, *op.cit.*, h. 46. M. Abū Zahw, *ibid.*, h. 127. 'Ajjāj al-Khatīb, *ibid.*, h. 187.

Thawrī (m. 161H) di Kufah, al-'Awzā'ī (m. 156H) di Syam, 'Abd Allāh ibn al-Mubārak (m.181H) di Khurasan, al-Rubay' ibn Salamah (m. 176H) di Basrah dan lain-lain lagi. Kesemua mereka ini merupakan tokoh-tokoh ulama abad kedua Hijrah. Antara kitab hadith yang paling masyhur yang dihasilkan oleh ulama abad kedua, ialah *Muwatta'* Imām Mālik, *Muṣannaf Sufyān ibn 'Uyaynah* (m. 198H), *Muṣannaf Shu'bah al-Hajjaj* (m. 160H) dan *Muṣannaf al-Layth ibn Sa'd* (m. 175H).⁵¹

Walaupun usaha mengumpul dan membukukan hadith ke dalam satu kitab secara rasmi telah bermula dan giat dijalankan pada abad kedua Hijrah, namun kitab-kitab hadith yang dihasilkan oleh ulama pada abad tersebut mengandungi beberapa kelemahan. Antara kelemahan yang dimaksudkan ialah kitab-kitab tersebut bercampuraduk antara hadith-hadith Rasulullah s.'a.w. dengan kata-kata sahabat dan fatwa-fatwa *tabi'in*.⁵² Selain daripada itu, kitab tersebut juga tidak disusun secara sistematik dan hadith-hadith yang dikumpul tidak lengkap serta tidak menyeluruh.⁵³

Memandangkan wujudnya kelemahan pada kitab-kitab yang dihasilkan oleh ulama pada abad kedua Hijrah, maka sebagai langkah bagi memperbaiki kelemahan tersebut, ulama yang muncul pada abad ketiga Hijrah mula mengasingkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. daripada pendapat/fatwa sahabat dan *tabi'in*. Maka lahirlah kitab hadith yang disusun mengikut sahabat dikenali sebagai *masānid* yang hanya terkumpul di dalamnya hadith-hadith Rasulullah s.'a.w. Ulama pertama yang menjadi perintis kepada usaha menyusun kitab *Masānid* ialah Abū Dawūd Sulaymān ibn al-Jarūd al-Tayālīsī (m. 204H). Ia kemudiannya diikuti oleh ulama sezaman dengannya terdiri daripada kalangan *tabi' al-tabi'in* seperti Usud ibn Mūsa al-'Umawī (m. 212H), 'Ubaydillah ibn Mūsa al-'Abasī (m. 213H), Musaddad al-Baṣrī (m. 228H) dan Nu'aym ibn Hammād al-Khuza'i (m. 228H). Selepas itu muncul pula tokoh-tokoh penyusun kitab hadith yang terkenal seperti Imām Ahmad ibn Hanbal (m. 241H), Ishāq ibn Rahāwayh (m. 238H), 'Uthmān ibn Abī Shaybah (m. 239H) dan lain-lain lagi. Kitab hadith yang paling masyhur yang dihasilkan oleh ulama pada abad ketiga ialah *Musnad Imām Ahmad*.⁵⁴

Kalau kitab-kitab hadith yang dihasilkan pada abad kedua Hijrah mengandungi banyak kelemahan, begitu juga dengan kitab-kitab hadith yang dihasilkan pada awal abad ketiga Hijrah. Walaupun ulama pada kurun ketiga Hijrah berjaya mengasingkan

⁵¹ Muḥammad 'Abd al-'Azīz al-Khulī, *op.cit.*, h. 21-22. Al-Zahrānī, *op.cit.*, h. 88. M. 'Ajjāj al-Khaṭīb (1980), *al-Sunnah Qabla al-Tadwin*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 337.

⁵² Sebagai contoh kitab *Muwatta'* Imām Mālik yang bukan sahaja mengandungi hadith, tetapi juga pendapat para sahabat dan fatwa *tabi'in*.

⁵³ 'Ajjāj al-Khaṭīb, *al-Sunnah Qabla al-Tadwin*, h. 338. M. Abū Zahw, *op.cit.*, h. 245-246.

⁵⁴ 'Ajjāj al-Khaṭīb, *ibid.*, h. 339. Muḥammad 'Abd al-'Azīz al-Khulī, *op.cit.*, h. 33-34.

antara hadith dan pendapat/fatwa sahabat dan *tabi'in*, namun mereka kurang teliti dalam memilih hadith. Terdapat hadith yang dipilih mereka terdiri daripada hadith-hadith *da'if* dan *mawdu'*. Ini menimbulkan kesulitan khususnya kepada penuntut ilmu untuk memastikan hadith-hadith yang sahih daripada yang *da'if* dan *mawdu'*. Menyedari tentang kelemahan ini, ulama hadith telah mencipta satu lagi kaedah dan metodologi pengumpulan hadith, di mana mereka mengambil inisiatif hanya mengumpul hadith-hadith sahih sahaja di dalam satu kitab. Ulama pertama yang merintis kaedah ini ialah Imām Muḥammad ibn Ismā'il al-Bukhārī (m. 256H) melalui kitab *Ṣaḥīḥ*nya yang terkenal. Ini diikuti pula oleh Imām Muslim ibn al-Ḥujjāj al-Qushayrī (m. 261H) melalui kitabnya *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kedua-dua kitab ini dianggap sebagai kitab yang paling sahih selepas al-Qur'an.⁵⁵

Langkah kedua ulama tersebut diikuti oleh Abū Dawūd, Sulaymān al-'Ash'ath al-Sijistānī (m. 275H), Abū 'Isā, Muḥammad ibn Saurah al-Tirmidhī (m. 279H), Ahmad ibn Shu'ayb al-Nasa'ī (m. 303H) dan 'Abd Allāh ibn Muḥammad ibn Yazīd ibn Mājah al-Qazwīnī (m. 273H). Kitab hadith yang ditulis oleh keempat-empat ulama ini dikenali dengan nama-nama seperti Sunan Abī Dawūd, Sunan al-Tirmidhī, Sunan al-Nasa'ī, dan Sunan Ibn Mājah. Keempat-empat kitab ini, kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* akhirnya dikenali dengan *al-Kutub al-Sittah* atau *Sunan Sittah*.⁵⁶

Imām al-Bukhārī dan Muslim boleh dikatakan perintis kepada usaha pengumpulan hadith-hadith sahih dan juga menyusunnya mengikut susunan bab atau tajuk tertentu. Hadith-hadith yang dikumpul oleh mereka juga boleh dikatakan menyeluruh dan menguasai sesuatu bab atau topik perbincangan. Ia sudah pasti memberi banyak kemudahan kepada penuntut ilmu kerana dengan adanya kitab sahih tersebut, mereka boleh mendapatkan sesebuah hadith yang sahih dan mendalami atau menguasai sesuatu topik dalam apa jua bidang agama dengan mudah. Dengan usaha mereka ini juga, zaman pembukuan hadith telah mencapai ke tahap kemuncaknya, di mana catatan sejarah telah dibuat oleh ulama hadith tersebut. Justeru itu, abad ketiga Hijrah dikenali sebagai zaman kegemilangan kepada hadith kerana ia bukan sahaja menyaksikan kelahiran kitab-kitab hadith yang masyhur, tetapi juga kemunculan tokoh ulama hadith yang terulung seperti Imām al-Bukhārī dan Muslim. Dengan berakhirnya abad ketiga Hijrah juga bermakna berakhirnya zaman pembukuan hadith. Boleh dikatakan hampir keseluruhan hadith Rasulullah s. 'a.w. telah dibukukan pada abad ini. Oleh kerana itu, abad seterusnya boleh dianggap sebagai abad yang hanya

⁵⁵ 'Ajjāj al-Khaṭīb, *ibid.*, Muṣṭafa al-Sibā'ī, *op.cit.*, h. 106. 'Abd al-'Azīz al-Khulī, *op.cit.*, h. 29. Lihat juga Ḥājī Khalīfah, *Muqaddimah Kashf al-Zunūn*. J. 1, h. 637.

⁵⁶ Muḥammad 'Abd al-'Azīz al-Khulī, *ibid.*, h. 29. Muṣṭafa al-Sibā'ī, *op.cit.*, h. 106. Muḥammad Abū Zahw, *op.cit.*, h. 423.

menyaksikan usaha penyusunan semula hadith, pengulasan atau penghuraian serta ringkasan terhadap kitab-kitab hadith yang dihasilkan oleh ulama sebelumnya dibuat oleh para ulama pada abad tersebut.⁵⁷ Ini bermakna kesemua hadith yang dikumpul oleh ulama pada abad kedua dan ketiga Hijrah merupakan hadith-hadith yang dihafal dan diriwayatkan oleh mereka sendiri daripada syaikh-syaikh atau guru-guru mereka.

Dengan bermulanya abad keempat Hijrah, satu lagi era baru dicatat dalam perkembangan hadith. Tugas ulama pada abad ini dan selepasnya menjadi lebih mudah kerana hampir kesemua hadith telah pun dikumpul dan dibukukan serta dinilai oleh ulama sebelumnya. Apa yang belum sempat diusahakan ulama sebelum mereka ialah untuk mengolah dan menyusunnya semula mengikut kaedah dan metode yang berbeza dengan sebelumnya atau meringkas, menghurai dan mengulas hadith-hadith tersebut. Dengan kata lain, kebanyakan ulama pada abad ini dan selepasnya tidak meriwayatkan hadith daripada syaikh mereka sebaliknya mereka hanya memetik hadith-hadith daripada kitab-kitab ulama sebelumnya. Justeru itu, ulama menjadikan akhir abad ketiga Hijrah sebagai tembok pemisah antara ulama hadith *mutaqaddimīn* dan *muta'akhirīn* daripada kalangan perawi hadith.⁵⁸

Ini bukanlah bermakna tidak ada langsung ulama yang meriwayatkan hadith daripada syaikh mereka, cuma jumlahnya agak sedikit jika dibandingkan sebelumnya. Antara kitab-kitab hadith⁵⁹ masyhur yang dihasilkan oleh ulama pada abad keempat Hijrah dan selepasnya ialah *al-Mu'jam al-Kabīr*, *al-Awsat* dan *al-Ṣaghīr* oleh Imām Sulaymān ibn Ahmad al-Ṭabarānī (m. 360H). Ketiga-tiga *mu'jam* ini disusun mengikut sahabat dan *syuyūkh* yang kemudiannya disusun pula mengikut huruf abjad. Begitu juga dengan *Sunan al-Dāraqūṭnī* (m. 385H), *Ṣaḥīḥ ibn Hibbān* (m. 354H), *Ṣaḥīḥ Abī 'Awānah* (m. 316H), *Ṣaḥīḥ ibn Khuzaymah* (m. 311H), *Ṣaḥīḥ al-Muntaqa ibn al-Sakn* (m. 353H), *Musnad ibn Jumay'* (m. 402H), *Musnad*

⁵⁷ Muḥammad 'Abd al-'Azīz al-Khulī, *ibid.* Al-Zahrānī, *op.cit.*, h. 95. 'Ajjāj al-Khaṭīb, *Uṣūl al-Ḥadīth*, h. 191. Ṣubḥī Ṣāliḥ, *op.cit.*, h. 48; Ḥāji Khalīfah, *op.cit.*, h. 637-639.

⁵⁸ Muḥammad Abū Zahw, *op.cit.*, h. 423-424; Muḥammad 'Abd al-'Azīz al-Khulī, *ibid.*, h. 34 & 109. lihat juga Muḥammad Abū Shuhbah (1987), *Difā' 'an al-Sunnah*, Riyad: Dār al-Liwa', h. 24.

⁵⁹ Perbincangan mengenai kitab-kitab Hadith selepas ini hanya akan tertumpu kepada kitab-kitab *Ḥadīth Riwāyah*, iaitu kitab-kitab yang mengumpul hadith-hadith Rasulullah s.a.w. sama ada secara bersanad ataupun tidak dan yang berkaitan dengannya seperti kitab-kitab *syarah*, *takhrīj* dan seumpamanya. Dengan ini kitab-kitab ilmu *Ḥadīth Dirāyah* atau *'Ulūm Ḥadīth* yang mula dihasilkan pada abad ini melalui kitab *al-Muḥaddīth al-Fāsil* oleh al-Ramahurmuzi (m. 360H) tidak akan dibicarakan di sini. Penulis juga hanya akan menyebut nama beberapa buah kitab sahaja sebagai contoh dalam sesuatu bentuk dan metode penulisan.

Muhammad ibn Ishāq (m. 313H), *Musnad Abi Ishāq ibn Nasar al-Rāzī* (m. 385H), dan *Mustadrak al-Hākim* (m. 405H).⁶⁰

Di samping itu, terdapat juga ulama yang mengumpulkan hadith dalam satu kitab, di mana hadith-hadith yang dikumpul di dalamnya terdiri daripada hadith-hadith yang terdapat dalam kitab-kitab hadith sebelumnya, tetapi diriwayatkan dengan *sanadnya* sendiri dan kitab ini dinamakan sebagai *al-Mustakhrajāt*. Antara kitab-kitab yang dimaksudkan ialah *al-Mustakhrajāt 'ala Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh al-Hāfiz Abū Bakr al-Jurjānī (m. 371H) dan *al-Mustakhrajāt 'ala Ṣaḥīḥ Muslim* oleh al-Hāfiz Abū 'Awanah (m. 316H).⁶¹

Dalam pada itu, terdapat ulama yang cuba menyatukan kitab-kitab hadith terdahulu ke dalam satu kitab dan menyusun semula hadith-hadith yang dikumpul oleh ulama terdahulu mengikut topik-topik tertentu seperti hadith *aḥkām*, dan hadith *targhīb* dan *tarhīb*. Antara kitab-kitab yang dimaksudkan ialah kitab *al-Jam' Bayna al-Ṣaḥīḥayn* oleh Ibn Furāt (m. 414H), *al-Jam' Bayna al-Ṣaḥīḥayn* oleh al-Baghawī (m. 516H), *al-Jam' Bayna al-Kutub al-Sittah* oleh Ahmad ibn Rāzin al-'Abdarī al-Sirqistī (m. 535H), *Maṣābiḥ al-Sunnah* oleh al-Baghawī (m. 516H), *Jāmi' al-Masani wa al-Alqāb* oleh Ibn al-Jawzī (m. 597H), *Jāmi' al-Uṣul fi Aḥādith al-Rasūl* oleh Ibn al-'Athīr al-Jazārī (m. 606H). Sementara itu, antara kitab-kitab hadith yang disusun mengikut topik-topik tertentu ialah kitab *Muntaqa al-Akḥbār fi al-Aḥkām* susunan Abū al-Barakah, Ibn Taymiyyah al-Hanbalī (m. 652H), *al-Sunan al-Kubra* susunan al-Bayhaqī (m. 458H), *'Umdah al-Aḥkām* susunan al-Maqdisī (m. 600H), dan kitab *al-Targhīb wa al-Tarhīb* susunan al-Munzirī (m. 656H).⁶²

Selain daripada itu, terdapat juga ulama yang cuba mencipta kaedah bagaimana untuk mendapatkan sesuatu hadith dengan mudah. Kaedah tersebut adalah dengan menyusun hadith-hadith yang diriwayatkan dan dikumpul oleh ulama sebelumnya mengikut pangkal hadith dan kemudiannya hadith-hadith tersebut disusun pula mengikut huruf abjad. Kitab yang disusun mengikut kaedah ini dikenali dengan nama kitab *al-Atrāf*. Antaranya kitab *Atrāf al-Ṣaḥīḥayn* oleh al-Hāfiz Ibrāhīm ibn Muhammad al-Dimashqī (m. 400H), kitab *Atrāf al-Kutub al-Sittah* oleh Muhammad ibn Tāhir al-Maqdisī (m. 507H), dan *Tuḥfah al-Ashraf bi Ma'rifat al-Atrāf* oleh al-Hāfiz al-Mizzī (m. 742H).⁶³

⁶⁰ Muhammad 'Abd al-'Azīz al-Khulī, *op.cit.*, h. 35. Al-Zahrānī, *op.cit.*, h. 146.

⁶¹ Muhammad Abū Zahw, *op.cit.*, h. 403-404. Al-Zahrānī, *ibid.*, h. 178.

⁶² Muhammad Abū Zahw, *ibid.*, h. 430-433; al-Zahrānī, *ibid.*, h. 182-183.

⁶³ Al-Zahrānī, *ibid.*, h. 225-226, Muhammad Abū Zahw, *ibid.*, h. 433-434; Muhammad 'Abd al-'Azīz al-Khulī, *ibid.*, h. 108

Proses perkembangan pembukuan hadith ini berterusan sehinggalah pusat pemerintahan kerajaan 'Abbasiyah, iaitu Kota Baghdad jatuh ke tangan kerajaan Tartar pada tahun 656H. Kejatuhan Baghdad ke tangan Tartar bukan sahaja menyebabkan proses penghasilan karya hadith menjadi kurang aktif, tetapi juga telah menyebabkan kegiatan tersebut berpindah dari Kota Baghdad ke negara Mesir dan seterusnya ke negara India.⁶⁴ Namun ini tidak bermakna tiada karya hadith dihasilkan selepas tempoh tersebut. Ini terbukti apabila abad ketujuh dan selepasnya juga menyaksikan kelahiran beberapa buah karya hadith yang berbagai bentuk, antaranya ialah karya-karya syarahan kepada karya-karya hadith terdahulu, misalnya kitab *Sharh Sahih Muslim* oleh Imām al-Nawawī (m. 676H) dan *Fath al-Bārī Sharh Sahih al-Bukhārī* oleh al-Hāfiz ibn Hajar al-'Asqalānī (m. 852H dan lain-lain lagi. Selain daripada kitab syarahan hadith, terdapat juga kitab *Zawā'id*, iaitu kitab yang mengumpul hadith-hadith tambahan kepada kitab-kitab tertentu misalnya kitab *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id* karangan al-Hāfiz al-Haythamī (m. 807H), *Ithāf al-Mahārah bi Zawā'id al-Masānid al-'Asharah* karangan al-Hāfiz al-Buṣayrī (m. 840H), *al-Maḥālib al-'Aliyah fi Zawā'id al-Masānid al-Thamāniyyah* karangan al-Hāfiz ibn Hajar (M. 852H), *Jam' al-Jawāmi'* karangan al-Suyūṭī (m. 911H) dan lain-lain lagi.⁶⁵

Penghasilan kitab-kitab hadith *aḥkām* secara berasingan juga mula diperkenalkan pada abad kelapan Hijrah. Antaranya ialah kitab *al-'Ilmām fi Ahādīth al-Aḥkām* oleh ibn Daqīq al-'Īd (m. 702H), dan kitab *Bulūgh al-Marām Min Ahādīth al-Aḥkām* oleh al-Hāfiz ibn Hajar al-'Asqalānī (m. 852H).⁶⁶ Begitu juga dengan kitab-kitab *takhrīj*, iaitu kitab yang menyatakan sumber asal pengambilan sesuatu hadith yang terdapat dalam sesebuah kitab sama ada kitab akidah, tasawuf dan sebagainya, kemudian hadith tersebut dinilai dari segi keabsahannya. Antara kitab yang dimaksudkan ialah *Takhrīj Ahādīth al-Ihyā'* oleh al-Hāfiz al-'Irāqī (m. 806H), kitab *Nasb al-Rāyah li Ahādīth al-Hidāyah* oleh al-Zayla'ī (m. 762H), *al-Talkhīṣ al-Habir Takhrīj al-Wajīz al-Kabīr* oleh al-Hāfiz ibn Hajar (m. 852H) dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, terdapat juga kitab *takhrīj* yang dikhususkan kepada hadith-hadith yang masyhur di kalangan manusia, misalnya kitab *al-Maqāsid al-Ḥasanah* oleh al-Sakhāwī (m. 902H) dan kitab *Kashf al-Khafā' wa Muzīl al-Ilbās* oleh al-'Ajlunī (m. 1162H).⁶⁷

⁶⁴ Muḥammad Abū Zahw, *ibid.*, h. 435 & 438.

⁶⁵ Muḥammad 'Abd al-'Azīz al-Khulī, *op.cit.*, h. 111-112. Muḥammad Abū Zahw, *ibid.*, h. 444. Al-Zahrānī, *op.cit.*, h. 242-243.

⁶⁶ Muḥammad Abū Zahw, *ibid.*, h. 446-447. Muḥammad 'Abd al-'Azīz al-Khulī, *ibid.*, h. 113-115.

⁶⁷ Muḥammad Abū Zahw, *ibid.*, h. 448-451. Al-Zahrānī, *op.cit.*, h. 234.

Sumbangan ulama dalam usaha untuk memelihara dan menyebarkan *al-sunnah al-nabawiyah* tidak berhenti hingga ke abad kesepuluh Hijrah sahaja, malah berterusan sehingga kini. Malah aspek dan skop sumbangan mereka semakin meluas termasuk usaha membuat *tahqīq* kitab hadith yang belum pernah dilakukan oleh ulama terdahulu. Selain daripada itu, ulama yang terlibat dalam usaha yang mulia ini tidak hanya terhad kepada mereka yang berasal dari negara Arab, sebaliknya turut melibatkan ulama yang menetap di negara India. Negara ini telah berjaya melahirkan ulama hadith yang berwibawa.

Antara kitab hadith yang dihasilkan oleh ulama selepas abad kesepuluh ialah kitab-kitab syarahan hadith seperti kitab *Fayḍ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh al-Kashmīrī (m. 1352H), *Faṭḥ al-Mun'im bi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* oleh Dr. Mūsa Lashīn, *'Awn al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abī Dawūd* oleh Shams al-Ḥaqq al-'Azīm Abādī (m. 1329H), *Tuḥfat al-'Ahwadhī Sharḥ Sunan al-Tirmidhī* oleh 'Abd al-Raḥmān al-Mubarakfūrī (m. 1353H), *al-Faṭḥ al-Rabbānī bi Tartīb Musnad Aḥmad* oleh 'Abd al-Raḥmān al-Sa'atī, *al-Musawwa Sharḥ Muwaṭṭā'* Mālik oleh Syaikh Waliyullah al-Dihlawī (m. 1176H), *Sharḥ Sunan al-Tirmidhī* oleh Syaikh Aḥmad Shākir, *Sharḥ Sunan al-Nasa'ī* oleh Syaikh al-Shanqīṭī, *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām* oleh Muḥammad ibn Ismā'il al-Ṣan'ānī (m. 1182H), *Nayl al-'Awtār Sharḥ Muntaqa al-Akḥbār* oleh al-Syawkānī (m. 1255H), *Faṭḥ al-'Allām bi Sharḥ Bulūgh al-Marām* oleh Syaikh Ṣiddīq Ḥasan Khān (m. 1307H), *Nuzḥah al-Mutaqīn Sharḥ Riyād al-Ṣāliḥīn* oleh Dr. Muṣṭafa al-Khin dan, *al-Mujaz fi Aḥādīth al-Aḥkām* oleh Dr. 'Ajjāj al-Khaṭīb dan lain-lain lagi.⁶⁸

Perkembangan ilmu yang pesat di kalangan umat Islam khususnya ilmu Hadith adalah hasil kegigihan umat Islam sendiri dalam menyebarkan agama Islam sehingga agama suci tersebut bukan sahaja berjaya merentasi benua India, tetapi juga dapat dikembangkan sehingga ke Nusantara, termasuk Tanah Melayu dan Indonesia. Sebagaimana negara-negara Islam yang lain, rantau Nusantara juga telah berjaya melahirkan ramai ulama berwibawa dan mampu menghasilkan karya-karya ilmiah meliputi segenap bidang pengajian Islam. Antara ulama yang dimaksudkan ialah Syaikh Nuruddin al-Raniri (m. 1069H), seorang tokoh ulama Nusantara yang terkenal pada abad ke sebelas Hijrah. Walaupun beliau lebih terkenal dalam bidang tasawuf dan akidah kerana telah menghasilkan banyak karya ilmiah bermutu dalam bidang-bidang tersebut, tetapi ini tidak bermakna beliau mengabaikan bidang yang lain, terutamanya bidang hadith. Malah beliau juga berjaya menghasilkan karya dalam bidang hadith.

⁶⁸ Muḥammad 'Abd Allāh Abu So'lā'ik (1995), *Juhūd al-Mu'āsirīn fi Khidmah al-Sunnah al-Musharrafah*, Dimashq: Dār al-Qalam, h. 27-28. Lihat juga Maḥmūd al-Taḥḥān (1982), *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsāt al-Asānid*, Maktabah al-Sarawat, h. 144. Muḥammad 'Abd al-'Azīz al-Khulī, *op.cit.*, h. 113-114.

Adalah diakui bahawa beliau hanya menghasilkan satu sahaja karya ilmiah dalam bidang hadith. Namun demikian, karya tersebut amat bermakna dan memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan dan penyebaran hadith khususnya di rantau ini. Penghasilan karya tersebut juga dapat memperkayakan lagi khazanah Hadith. Karya yang dimaksudkan ialah kitab *Bidāyah al-Ḥabīb fi al-Targhīb wa al-Tarhīb* atau dikenali juga dengan nama *al-Fawā'id al-Bahiyyah fi al-Aḥādīth al-Nabawiyah*. Karya yang dianggap sebagai karya pertama yang dihasilkan dalam bidang hadith di Nusantara ini mengandungi 829 hadith *targhīb* dan *tarhīb*. Dalam menyusun kitab ini Syeikh Nuruddin al-Raniri banyak terikut-ikut dengan *uslub* yang digunakan oleh al-Munziri dalam kitabnya *al-Targhīb wa al-Tarhīb* dan al-Nawawi dalam kitabnya *Riyād al-Ṣāliḥīn*.

Selain dari meneruskan kaedah dan metode ulama terdahulu dalam menghasilkan karya hadith, ulama semasa juga berjaya mengorak langkah ke hadapan dengan mencipta beberapa kaedah baru dalam penghasilan karya hadith. Antaranya ialah dengan *mentahqīq*⁶⁹ kitab-kitab hadith terdahulu, khususnya yang belum diterbitkan. Antara ulama mutakhir dan semasa yang bergiat aktif *mentahqīq* kitab-kitab hadith ialah Syaikh Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī yang *mentahqīq* *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*, Syaikh Muḥammad Nāṣiruddin al-'Albānī yang *mentahqīq* kitab *Mishkāt al-Maṣābiḥ* oleh al-Tabrizī dan kitab *al-Sunnah* oleh Ibn Abī 'Āṣim, Syaikh Shu'ayb al-'Arna'ut yang *mentahqīq* kitab *Sharḥ al-Sunnah* oleh al-Baghawī, Syaikh Ḥamdī 'Abd al-Majīd al-Salafī yang *mentahqīq* kitab *al-Mu'jam al-Kabīr* oleh al-Ṭabarānī dan *Musnad al-Shihāb* oleh al-Qudā'ī, Dr. Maḥmūd al-Ṭaḥḥān yang *mentahqīq* kitab *al-Mu'jam al-'Awsaṭ* oleh al-Ṭabarānī, Dr. Akram Diyā' al-'Umari yang *mentahqīq* kitab *Musnad Khalīfah Ibn Khayyāt*, Dr. Mustafā al-A'zamī yang *mentahqīq* kitab *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah* dan *Sunan Ibn Mājah*, Syaikh Ḥabīb al-Raḥmān al-A'zamī yang *mentahqīq* kitab *Musnad al-Ḥumaydi* dan lain-lain lagi.⁷⁰

KESIMPULAN

Demikianlah dibentangkan sejarah perkembangan penulisan dan pembukuan hadith secara ringkas bermula dari zaman Rasulullah s.'a.w., disusuli zaman sahabat dan *tabi'in* sehinggalah ke zaman kini. Itulah sumbangan ulama sepanjang zaman kepada

⁶⁹ Istilah '*taḥqīq*' bermaksud suatu usaha dan kajian ilmiah bagi menerbitkan sesebuah kitab yang masih dalam bentuk manuskrip sebagaimana yang dikehendaki dan dimaksudkan oleh penyusunnya.

⁷⁰ Muḥammad 'Abd Allāh So'lā'ik, *op.cit*, h. 36-37.

hadith Rasulullah s. 'a.w. dalam usaha mereka untuk memelihara dan menyebarkan *al-Sunnah al-Nabawiyah* tanpa mengenal erti jemu dan penat, sehingga akhirnya mereka berjaya menghasilkan banyak karya ilmiah dalam bidang hadith yang mempunyai nilai kualiti yang tinggi. Tidak hairanlah karya-karya mereka masih lagi menjadi tatapan dan rujukan umat Islam di sepanjang zaman. Karya-karya mereka bukan sahaja dirujuk oleh para penuntut ilmu bagi mendalami ilmu agama, tetapi juga ditatap oleh para ilmuwan dan ulama bagi memantap dan menambahkan ilmu mereka yang sedia ada dari semasa ke semasa. Penghasilan karya-karya tersebut juga dapat menyebarluaskan ilmu-ilmu berguna kepada seluruh umat Islam di mana sahaja mereka berada. Seharusnya karya-karya ulama silam yang bermutu tinggi dalam apa jua bidang ilmu hendaklah dijadikan aset yang amat berharga bagi umat Islam. Karya-karya mereka perlu didekati agar umat Islam terkemudian dapat memanfaatkan aset tersebut untuk kebaikan mereka dunia dan akhirat. Selain daripada itu, sumbangan mereka yang tidak ternilai ini perlu dihargai oleh seluruh kaum Muslimin.